

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSD 452 Sejarah Antarabangsa 1919 - 1975

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Jelaskan konsep "Keselamatan Bersama" dan bincangkan kelemahan-kelemahannya.
2. Menurut A.J.P. Taylor dalam buku beliau Origins of the Second World War (1961) kuasa-kuasa yang bertanggungjawab ke atas pencetusan Perang Dunia Kedua di Eropah ialah Britain dan Perancis. Kritikkan tesis Taylor ini.
3. Nilaikan secara kritis tesis yang mengutarakan bahawa Amerika Syarikat telah dengan sengaja bertegas terhadap Jepun di antara 1939 - 1941 di Asia Pasifik dengan tujuan mendesak Jepun supaya berperang dengan Amerika Syarikat dan membolehkan Amerika Syarikat melibatkan diri secara langsung ke dalam Perang Dunia Kedua di Eropah.
4. "Perang Dingin tidaklah berlaku secara kebetulan maupun tidak dapat dielakkan". Bincangkan pernyataan ini.
5. Jelaskan dasar 'pembendugan' Amerika Syarikat. Merujuk kepada Eropah atau Asia Pasifik, sejauhmanakah dasar itu telah mencapai matlamat-matlamatnya.
6. Bincangkan perkembangan-perkembangan utama dalam Perang Dingin di Asia Pasifik di antara 1945 sehingga 1954.

7. Nilaikan secara kritis dasar Amerika Syarikat terhadap pergerakan nasionalis sama ada di Vietnam ataupun di Indonesia pada masa sejurus selepas tamatnya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

-000000000-